



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG,
84900 TANGKAK, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 2
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN**

**KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH TANGKAK**

TARIKH : 1 APRIL 2020

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2 yang berkuatkuasa bermula 1 April 2020 hingga 14 April 2020, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan penting Negara atau ("essential services") sebagaimana edaran pada 17 Mac 2020.

Manakala bagi **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI SEBAGAIMANA SEBELUM INI** sepanjang tempoh PKP diarahkan bagi dihadkan waktu operasi seperti berikut:

BIL	JENIS PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1	Pasaraya / Kedai Runcit / Kedai Serbaneka (Termasuk Kedai Serbaneka Stesen Minyak) / Kedai Buah-Buahan dalam premis	8.00 pagi hingga 8.00 malam
2	Farmasi / Perbankan (termasuk Mesin ATM)	
3	Kedai Membaiki Motorsikal dan Kereta / Pusat Servis Kenderaan	
4	Pengangkutan Awam / Kaunter Tiket Bas	
5	Kedai Telekomunikasi (Maxis / Celcom / Digi / RedOne /Yes)	
6	Kedai Makanan dan Minuman / Restoran / Warung termasuk Restoran Makanan Segera (KFC / MARRYBROWN / PIZZA HUT / DOMINOS) – (Hanya tempahan melalui talian telefon dan pandu lalu dibenarkan / Makanan Tidak boleh Dipamerkan)	
7	Stesen Minyak (Petronas / Shell / Caltex / BHP / Petron)	
8	Perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau ("essential services")	
	Kilang Elektronik & Semiconductor / Kilang Biskut / Kilang-Kilang Lain Yang dibenarkan operasi oleh MITI. (tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara)	Seperti Biasa
10	Klinik Swasta	Seperti Biasa
11	Semua aktiviti Penjaja, Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Tani, Food Truck, Warung Makan, Anjung Selera, Gerai dan Seumpamanya di bawah kendalian Majlis Daerah Tangkak	Tidak Dibenarkan Beroperasi

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 1 APRIL 2020 HINGGA 14 APRIL 2020** selaras dengan peruntukan kepada kuasa Majlis Daerah Tangkak di bawah Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

**Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak**